

minum dan keperluan asas lain dalam rumah tangga. (Berita Harian, 30 Januari 2003).

Memandangkan jumlah isteri-isteri bekerja semakin meningkat dan dalam masa yang sama akhbar-akhbar tempatan juga melaporkan isu-isu yang berkait dengan tuntutan nafkah, muta'ah, harta sepencarian, hak penjagaan anak dan sebagainya telah memberi kesan ke atas penyelidik untuk membuat kajian dari pelbagai aspek yang berkaitan dengan nafkah isteri bekerja.

Oleh itu kajian ini penting untuk memberikan gambaran tentang nafkah isteri-isteri bekerja dari sudut tanggapan masyarakat terhadap persoalan hukum yang berkait dengan nafkah. Justeru itu, ianya dapat membantu memahami konsep nafkah yang sebenar serta dapat dijadikan garis panduan khususnya kepada isteri-isteri yang berkerjaya dan Jabatan Kehakiman Syari'ah Negeri-negeri secara amnya untuk menentukan sesuatu dasar awam bagi perkara yang berkaitan. Sehubungan itu, segala tanggapan-tanggapan yang tidak tepat tentang nafkah isteri bekerja dapat disingkirkan daripada pemikiran masyarakat.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada isteri-isteri bekerja yang beragama Islam di Daerah Kubang Pasu sahaja. Responden kajian yang terlibat terdiri di kalangan guru-guru di beberapa buah sekolah menengah, pensyarah-pensyarah dan staf Universiti Utara Malaysia, pensyarah-pensyarah Kolej Matrikulasi Kedah dan Politeknik Sultan Abdul Halim (POLIMAS), staf bukan akademik di jabatan kerajaan dan juga pekerja kilang. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh mewakili semua isteri-isteri bekerja bagi semua agensi sama

ada kerajaan atau swasta yang terdapat di seluruh tanah air. Oleh kerana kajian ini terbatas kepada isteri-isteri bekerja, maka wanita-wanita bekerja yang belum berkahwin, janda-janda dan juga ibu tunggal adalah terkecuali daripada kajian ini.

1.9 Huraian Istilah

Disebabkan terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk nafkah, maka dalam kajian ini penulis akan mengekalkan penggunaan nafkah itu sendiri kerana ianya lebih menyeluruh berbanding setengah-setengah istilah yang diberikan kepada nafkah. Selain dari itu istilah ini lebih mudah difahami serta telah diterima umum oleh masyarakat.

1.10 Ulasan Penulisan Lepas

Nafkah adalah merupakan satu tajuk yang penting dalam mana-mana penulisan fiqh yang berkaitan dengan al-Aḥwāl al-Syakṣiyah, sama ada penulisan itu dalam bentuk fiqh klasik atau fiqh moden. Biasanya nafkah diletakkan di bawah tajuk hak dan tanggung jawab suami isteri di dalam bab perkahwinan. Walaupun demikian, ulama'-ulama' Islam terdahulu tidak pernah membincangkan konsep nafkah isteri berkerja dalam satu penulisan dan perbincangan yang khusus. Sebaliknya, perbincangan berhubung dengan konsep nafkah isteri berkerja adalah tidak tersusun dalam satu bahagian tertentu. Nafkah hanya dibincangkan dalam topik-topik tertentu yang mempunyai kaitan dengan kedudukan nafkah isteri berkerja sahaja. Di antara topik yang mempunyai kaitan dengan kedudukan nafkah isteri berkerja ialah Sebab-sebab Wajib Nafkah Isteri yang

membincangkan tentang kedudukan *ihtibās* dan persoalan *musyūz* seperti keluar rumah tanpa izin.

Di antara penulisan-penulisan dalam bentuk klasik ialah *al- Sirāj al-Wahhāj* karangan *al-Ghamrāwī*,¹⁸ *Qalyūbī wa ‘Umayrah* karangan Imām *al- Qalyūbī* dan *‘Umayrah*,¹⁹ *al- Bahr al-Rā’iq* karangan *Ibn Nujaym*,²⁰ *Kitāb al- Mabsūt* karangan *al- Sarakhsī*,²¹ *Badā’i’ al- Ṣanā’i’* karangan *al- Kāsānī*,²² *al- Raud al- Murbi*’ karangan *al- Bahūtī*,²³ *Bidāyat al- Mujtahid wa Nihāyat al- Muqtaṣid* karangan *Ibn Rusyh*,²⁴ dan lain-lain.

Semua penulisan di atas mengambil pendekatan yang sama iaitu membincangkan mengenai nafkah menurut Hukum Syara’ serta menghuraikan persoalan nafkah menurut doktrin klasik mengikut mazhab masing-masing. Namun demikian, terdapat beberapa kajian mengenai kedudukan isteri berkerja yang dilakukan oleh penulis-penulis kontemporari. Di antaranya ialah *Dr. Abd al-Karīm Zaydān* dalam bukunya *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al- Mar’ah*,²⁵ *Dr. Wahbah al- Zuhaylī* dalam bukunya *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*,²⁶ *Imām Muḥammad Abū Zuhrah* dalam bukunya *al-Ahwāl al- Syakṣiyah*,²⁷ *Abd al- Ḥalīm Muḥammad Abū*

¹⁸ Syeikh Muhammed al-Zuhri al-Ghamrāwī (1999), *al-Sirāj al-Wahhāj*, Cet. 1, Lubnan : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 451 – 461.

¹⁹ Imām al-Qalyūbī wa ‘Umayrah (t.t.), *Qalyūbī wa ‘Umayrah*, Juz. 3, Dār Haya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, hal. 69 – 95.

²⁰ Ibn Nujaym (t.t.), *al-Bahr al-Rā’iq*. Juz. 4, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, hal. 188 – 237.

²¹ Syamsuddin al-Sarakhsī (1989), *Kitāb al-Mabsūt*, Juz. 5, Cet. 3, Beirut, Lubnan, Dār Ma’rifah, hal. 180 – 229.

²² Al-Kāsānī (t.t.), *Badā’i’ al- Ṣanā’i’*, Juz. 4, Beirut, Lubnan : Maktabah al-‘Ilmiyyah, hal. 15 – 40.

²³ Al-Bahūtī (1993), *al-Raud al-Murbi*’, Cet. 2, Damsyik : Maktabah Dār al-Bayān, hal. 432 – 441.

²⁴ Ibn Rusyd (1988), *Bidāyat al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, Juz. 2, Cet. 10, Beirut, Lubnan : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 54 – 57.

²⁵ Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslim*, Juz. 7, Cet. 1, Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 165 – 166.

²⁶ Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Juz. 7, Damsyik : Dār al-Fikr, hal. 792 – 793.

²⁷ Muhammed Abū Zuhrah (1957), *al-Ahwāl al-Syakṣiyah*, Cet. 3, Kaherah : Dār al-Fikr al-‘Arabi, hal. 237.

Syuqqah dalam bukunya *Tahrir al- Mar'ah fi 'Aṣr al-Risālah*,²⁸ *Syeikh Khālid Abū al-Raḥmān al-'Ak* dalam bukunya *Syakṣiyah al-Mar'ah al-Muslimah fi Dhauī al-Qur'ān wa al-Sunnah*.²⁹

Penulisan dalam bentuk moden ini adalah merupakan saringan, ulasan, ringkasan dan pentarjihan daripada buku-buku fiqh klasik sebelum ini dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Secara umumnya perbincangan yang dilakukan oleh mereka adalah terlalu ringkas kerana hanya menyentuh aspek yang berkait dengan nusyuz, malah ada di antara mereka yang meletakkan perbincangan tersebut di bahagian nota kaki sahaja.³⁰ Walau bagaimanapun, ada di antara penulisan ini yang membincangkan secara khusus tentang dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadīs yang berkaitan dengan penglibatan isteri dalam pelbagai bidang pekerjaan dan perbincangan tentang asas-asas yang digariskan oleh syara' terhadap wanita berkerjaya pada masa sekarang seperti yang terdapat dalam buku *Tahrir al- Mar'ah fi 'Aṣr al-Risālah* karangan *Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Syuqqah*.³¹

Secara umumnya penulis-penulis di atas telah mengemukakan pendapat-pendapat mereka dengan berdasarkan pandangan ulama' silam tentang kedudukan nafkah isteri berkerja iaitu sama ada wajib atau tidak wajib dalam lima situasi berikut;

- i) Isteri semata-mata berkerja .³²
- ii) Isteri berkerja dengan izin suami atau tanpa izin suami.³³
- iii) Isteri keluar berkerja untuk melaksanakan tuntutan fardu kifayah.³⁴

²⁸ Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Syuqqah (1990), *Tahrir al-Mar'ah Fi 'Aṣr al-Risālah*, Juz. 2, Cet. 1, Kuwait : Dār al-Qalam, hal. 341 – 373.

²⁹ Syeikh Khālid Abū al-Raḥmān al-'Ak (1998), *Syakṣiyah al-Mar'ah fi Dhauī al-Qurān wa al-Sunnah*, cet. 1, Beirut : Dār al-Ma'rifah, hal. 416 – 424.

³⁰ Lihat Muḥammad Abū Zuhrah, hal. 237.

³¹ Lihat Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Syuqqah, *Tahrir al-Mar'ah fi 'Aṣr al-Risālah*, hal. 341 – 373.

³² Muḥammad Abū Zuhrah, Op. cit., dan Dr. Wahbah al-Zuhaylī, hal. 792.

³³ Ibid., dan lihat Ibn 'Ābidīn (1995), *Radd al-Muhtār 'Alā al-Dār al-Mukhtār*, Juz. 3, Beirut, Lubnān: Dār al-Fikr, hal. 634.

- iv) Sekiranya sebelum berkahwin suami tahu bahawa isterinya berkerja dan ia tidak syaratkan supaya berhenti.³⁵
- v) Sebelum berkahwin, isteri syaratkan supaya suami tidak boleh menghalangnya untuk berkerja.³⁶

Selain itu, terdapat juga penulisan-penulisan yang telah diterjemahkan daripada versi Arab ke versi Melayu yang membincangkan khusus tentang isteri-isteri berkerja. Antaranya ialah *Wanita Menurut Syari'at Islam dan Peradaban Moden* karangan Dr. Muṣṭafā Sibā'i,³⁷ *Wanita Islam Hari Ini Kerja Dan Fungsinya* karangan Kaulah Abdul Laṭīef al-Atīqī³⁸ dan *Risalah Buat Wanita Muslimah* karangan Khālid al-Namādī.³⁹

Oleh itu, penulis dalam penulisan ini cuba untuk membincangkan hubungan antara hukum yang sedia ada dengan kepentingan atau maslahah umum masyarakat di sebalik penglibatan isteri dalam kerjaya.

³⁴ Muhammad Abū Zuhrah, hal. 237.

³⁵ Lihat Dr. Abd al-Karīm Zaydān, hal. 166 dan Dr. Wahbah al-Zuhaylī, hal. 793.

³⁶ Dr. Abd al-Karīm Zaydān , *Ibid.*,

³⁷ Dr. Muṣṭafā Sibā'i (1986), *Wanita Menurut Syari'at Islam Dan Peradaban Moden*, terjemahan oleh Ḥalimuddin, K.L. : Pustaka Antara.

³⁸ Kaulah Abdul Laṭīef, Al-Atīqī (1997), *Wanita Islam Hari Ini Kerja dan Fungsinya*, K.L. : Pustaka Ilmi.

³⁹ Khālid al-Namādī (1997), *Risalah Buat Wanita Muslimah*, terjemahan oleh Ummu Udhma Azmi, Indonesia : Pustaka Mantiq.